

DARI SEBULAN KE SEBULAN

Dr Rajendra Prasad, Presiden kerajaan India dengan sukarela menurunkan gajinya sendiri dari 10,000 Rupee (lebih kurang \$6,300 Melayu) sebulan kepada 2,500 Rupee (kira-kira \$1,575 sebulan). Langkah yang dilakukannya ini patut menjadi teladan kepada Menteri-Menteri kita di Malaya dan Singapura. Siapakah di antara Menteri-Menteri kita yang akan memulai langkahnya meniru langkah-langkah Rajendra Prasad itu?

* * *

Keinsafan Rajendra Prasad itu harus suatu keinsafan bahawa gaji besar ertinya penanggungan-penanggungan yang berat kepada rakyat yang membayar cukai sebab jika perbelanjaan besar maka besar pula penanggungan rakyat iaitu bahananya tentulah rakyat yang menderita iaitu cukai-cukai dinaikkan dan akhirnya penghidupan rakyat susah. Apakah ini suatu hal yang tidak mustahak diperhatikan oleh pemerintah.

* * *

Tuan Lim Yew Hock tatkala menjawab pertanyaan Tuan R. Jumbahawi mengatakan bahawa \$289,000 telah dibelanjakan kerana belanja-belanja keluar negeri Menteri-Menteri Singapura kerana menghadiri persidangan-persidangan luar negeri semenjak Januari 1956 hingga Jun 1958. Apakah wang perbelanjaan yang tentunya daripada wang rakyat ini tidak dapat dijimatkan lagi supaya penderitaan rakyat berbagai-bagai cukai tidak bertambah berat?

* * *

Kalau menyebut perkara ini – ingat pula orang kepada Datuk Bandar Ong Eng Guan dengan perbelanjaan di daerah

bandaran Singapura. \$105,000 telah dibelanjakan kerana Kempen Berludah. Daripada kempen itu yang di dapat tidak ada perubahan kerana dalam masa itu orang mendapati drebar-drebar teksi yang terlekat padanya penampal-penampal anjuran *Jangan Berludah* – terus berkata: “kanibau” – terus berludah, demikian juga drebar bas terus berludah, demikian juga apek-apek dan tidak kurang pula kerani-kerani kalau sudah meradang pernah dilihat berkata “kanibau” terus berludah apabila marah! \$105,000 kerana itu harus sia-sia, selain daripada beberapa gelintir manusia dapat untung daripadanya.

* * *

Dan setengah *milion* tahun ini, jemaah bandaran akan menanggung kekurangan. Akhirnya penutupnya dicari dengan apa? Rakyat akan menanggung – dicari jalan supaya segala-galanya cukai dinaikkan! Cukai-cukai rumah-rumah besar akan dinaikkan dan lain-lain lagi cukai rumah akan dinaikkan lagi. Yang menanggung apakah tuan rumah-rumah. Tentunya tidak sebab tuan-tuan rumah akan mencari jalan supaya sewa dinaikkan untuk menutup cukai-cukai itu. Jadi siapa yang susah? *Bermodern* sintasisnya rumah – yang membayar bukan tuan rumah tetapi penyewa – dan lain-lain contoh lagi. Dibayar mereka seringgit dinaikkan mereka \$1.50 akhirnya di dalam cukai naik mereka untung – yang susahnyanya – rakyat.

* * *

Ada sebahagian orang harus menyangka bahawa yang dinamakan rakyat itu hanyalah kaum buruh sahaja dan kerana itu mereka memberi banyak muka kepada mereka-mereka dengan

melupakan bahawa selain daripada itu orang-orang perusahaan kecil juga jadi rakyat yang mustahak yang patut diperhatikan oleh mereka kerana mereka mengambil peranan yang penting di dalam perjalanan negeri ini. Menyusukan seorang dan menganaktirikan yang lainnya tentulah tidak adil kerana itu kerajaan patut membuka mata terhadap kepada muslihat-muslihat mereka.

* * *

Tuan J M Jumbahawi telah menganjurkan membuka perusahaan negeri seperti mengadakan kilang-kilang rokok tempatan dengan mengadakan pula sekatan-sekatan memasukkan rokok ke Malaya. Tujuannya ialah supaya pekerja-pekerja yang tidak bekerja dapat peluang kerja nanti – yang dikendong berciciran yang dikejar tak dapat. Untuk mencarikan kerja-kerja bagi beberapa ratus orang akhirnya hasil cukai yang besar kelak akan merosot – dan akhirnya hasil berkurangan – berkurangan hasil dicari pula jalan, tentunya, mencari hasil baharu yang kelak akan membebankan rakyat semula. Apakah ini tidak ditimbang mereka dengan sebaik-baiknya?

* * *

Yang merunsingkan kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu sekarang ialah banyak orang-orang yang tidak bekerja (menganggur) dan banyaknya pemuda-pemuda yang mencari jalan untuk mengadakan kerja mereka, untuk tidak mendapat kerja-kerja. Kerana itu mereka sekarang menampung mereka. Ini bertujuan bagus tetapi sebelum mereka mencari usaha mengadakan kerja-kerja itu sepatutnya diketahui mengapa sebabnya orang banyak dibuang kerja, mengapa orang-orang tidak mau menanam modal di dalam perusahaan baharu yang masih ada pasarannya lagi, mengapa orang tidak mau memberi tempat melatih pekerja-pekerja baharu

di perusahaannya. Ini mustahak dikaji dan diselidiki.

Perkaitannya dengan undang-undang buruh dan peraturan-peraturan buruh, perkaitannya dengan peraturan *Provident Fund*, perkaitannya dengan *social welfare*, perkaitannya dengan keamanan negeri. Hal ini perlu diselidiki dengan saksama supaya jangan nanti timbul perasaan lebih senang di tangan penjajah daripada hidup di zaman setengah merdeka sebab di zaman penjajah mereka tidak merasa tanggungan yang berat sedang diperintah oleh awak sendiri teruk rasa oleh orang-orang awam.

* * *

Untuk menyelenggarakan pelajaran agama di sekolah-sekolah Melayu maka suatu jawatankuasa bakal dilantik



Tentera Amerika Syarikat sedang mencuba menghisap *nargila* di sebuah rumah penduduk Lubnan.

Mewakili pertubuhan-pertubuhan agama di Singapura untuk membahas dan mengkaji cara pelajaran diadakan. Kalau ahli-ahli pertubuhan sahaja yang dijemput tentunya rencana pelajaran agama itu tidak akan dapat memuaskan sebab kebanyakan daripada ahli-ahli pertubuhan itu orang yang banyak bercakap tetapi kurang pengalaman – wakil-wakil mereka tentunya yang dihantarkan yang pandai bercakap tetapi kurang pandai untuk menyusun pelajaran agama itu daripada lingkungan-lingkungan mengamalkan cakap-cakapnya. Kerana itu sebaik-baiknya yang dilantik ahlinya – ahli dalam cara mengajar (normal), ahli dalam hukum-hukum fikah, ahli dalam cara melaksanakan (teknik dan persesuaian), ahli dalam cara penyelenggaraan dan ahli dalam cara menyusun dan menyesuaikan pelajaran agama dengan kaedah mengajar masa sekarang! Kalau ini dibuat tentunya akan berjaya – Harap mendapat perhatian Kementerian Pelajaran.

* * *

Langkah Mufti Terengganu, al-Said Yusuf al-Zawawi mengharamkan perkara-perkara bersemah patut mendapat sambutan dan teladan oleh lain-lain negeri kerana perbuatan-perbuatan yang demikian tetap syirikinya. Tetapi ini janganlah hendaknya dipandang beliau sebagai suatu langkah yang utama tetapi beliau mesti bekerja keras lagi hendaknya dalam melaksanakan menghapuskan bid'ah-bid'ah agama kerana tidakkah di sana masih berleluasa lagi perkara-perkara kenduri kendara di rumah orang-orang mati sehingga yang kematian berhutang berbariah? Banyak lagi yang mesti dikerjakan dan kerana pekerjaan ini hendaklah tuan Mufti bekerja keras lagi – jangan takut-takut mendirikan hak dan kebenaran – jangan banyak berdiplomasi di dalam agama untuk mempertahankan kedudukan.

* * *

Encik Ismail Ambiya' dari Universiti Malaya menganjurkan supaya diadakan satu pakatan “Tiga Serangkai” antara Persekutuan Bahasa Melayu Universiti Malaya, Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk penyelenggaraan yang mengenai sastera dan budaya.

Ia dikatakan berkata bahawa kerja-kerja menyiasat hal-hal sastera dan budaya “bukanlah boleh dibuat oleh penuntut-penuntut lepasan sekolah *certificate* sahaja....”

Perkataan ini menerbitkan pendapat orang bahawa mereka-mereka menganggap bahawa sesuatu kerja besar dalam dunia ini layak dibuat oleh orang-orang yang ber*degree* dan berdiploma sahaja. Rupanya mereka-mereka lupa bahawa mereka yang berdiploma itu tidak dapat menjalankan sesuatu kerja, sekalipun dikemukakan, sebelum mereka berlatih untuk mencari pengalaman. Janganlah hendaknya, di dalam hal ini, berbangga-bangga kepada *degree* tetapi hargakanlah kepada pengalaman orang yang telah lama memakan asam garam di dalam alam sastera dan kebudayaan.

* * *

Dalam mesyuarat jawatankuasa jemaah, yang terdiri banyak orang-orang baharu di dalamnya telah terbit bahawa jemaah sekarang tidak ada mempunyai wang sedang beribu-ribu ringgit wang dikehendaki kerana membayar imam-imam masjid. Jika benar berita ini maka hal ini patut diselenggarakan oleh jawatankuasa baharunya supaya jangan menggalas batu kerana tidak ada beban kerana beberapa buah masjid ditanggung oleh jemaah pada hal ada banyak orang yang boleh menanggungnya. Jawatankuasa dahulu mau buat dan tanggung semua kerja – mau dibuat semuanya oleh setiausahanya sehingga akhirnya semuanya tidak terbuat sehingga *list* ahli pun tidak tersusun dan